

## B A B   IV

### ( Penganalisaan Data )

#### SIKAP MASYARAKAT CINA TERHADAP KEPIMPINAN DAN PERJUANGAN PAS

##### 4.0 Pendahuluan.

PAS sejak dari awal penubuhannya (1951) hingga kini telah mengalami berbagai-bagai perubahan; termasuk corak kepimpinannya , dasar-dasar perjuangannya yang lebih bersifat tertutu dan sejak akhir-akhir ini PAS begitu sedar tentang pentingnya kerjasama antara kaum dan parti-parti politik pembangkang. Bagaimanapun penulis berpendapat , PAS masih lagi ragu-ragu dengan kemampuannya untuk memimpin seluruh lapisan masyarakat dan tidak bersungguh-sungguh di dalam mengadakan persefahaman dengan parti-parti politik pembangkang serta mengadakan hubungan dengan masyarakat Cina melalui penubuhan Majlis Perundingan Cina ( OCC ) .

Dalam bab ini, penulis akan memberikan penekanan terhadap hasil kajiselidik yang dijalankan ke atas masyarakat Cina Kuala Lumpur dari segi sikap mereka terhadap kepimpinan dan perjuangan PAS.

##### 4.1 Intarbelakang; Responden ( Orang Yang Dikajiselidik ).

Intarbelakang; responden yang dikajiselidik oleh penulis adalah

sebagaimana yang terdapat di dalam Jadual 7 di bawah.

JADUAL 7

LATARBELAKANG RESPONDEN DI KUALA LUMPUR ( ORANG YANG DIKAJISELIDIK ).

	Kuantiti	Peratus
1. Jantina :		
Lelaki	31 orang	62 %
Perempuan	19 Orang	38 %
2. Umur :		
18 - 25 Tahun	36 Orang	72 %
26 - 35 Tahun	11 Orang	22 %
36 - 45 Tahun	3 Orang	6 %
3. Teraf Pendidikan :		
SPM	14 Orang	28 %
STPM	7 Orang	14 %
Universiti/Lepasan	29 Orang	58 %
4. Agama :		
Buddha	17 Orang	34 %
Confucian/Tao	14 Orang	28 %
Kristian	9 Orang	18 %
Tiada Agama	10 Orang	20 %
5. Aktiviti Politik :		
Melibatkan diri	12 Orang	24 %
Tidak Melibatkan diri	38 Orang	76 %
6. Parti Politik Yang Disertai :		
MCA	8 Orang	16 %
DAP	4 Orang	8 %
7. Tahap Pemahaman Terhadap Parti-Parti Politik di Malaysia Barat :		
Mengenali Sebahagian	24 Orang	48 %
Kurang Mengenali	12 Orang	24 %
Tidak Kenal Langsung	3 Orang	6 %
Mengenali Kesemuanya	11 Orang	22 %

SUMBER : Kajiselidik Yang Dijalankan Oleh Penulis Ke Atas 50 Orang Masyarakat Cina Di Kuala Lumpur .

#### 4.2 Sikap CCC Terhadap PAS.

Dalam pilihanraya umum 1986 , PAS telah menubuhkan Majlis Perundingan Cina ( CCC ) yang berperanan sebagai sebuah perantaraan bagi PAS untuk menerangkan dasar-dasar parti dan gambaran tentang Islam kepada masyarakat Cina. Dengan penubuhan badan tersebut PAS telah maju setapak ke hadapan dan dari segi politiknya PAS berjaya menarik sebahagian kecil daripada masyarakat Cina untuk menyokong perjuangan PAS .

Namun demikian hasrat CCC untuk bertanding atas tiket PAS dalam pilihanraya umum yang lalu (1986) telah ditolak oleh PAS dengan alasan bahawa PAS hanya akan menerima mereka yang beragama Islam sahaja. Penolakan tersebut telah menimbulkan berbagai pandangan negatif dari kalangan masyarakat Cina , khasnya CCC sendiri. Oleh itu lahirlah satu semangat di kalangan ahli-ahli anggota CCC untuk menjadikan CCC sebagai sebuah badan parti politik. Maka pada akhir bulan Jun 1989 , CCC telah diluluskan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia dengan diberi nama ' Parti Kongres Penyatuan Masyarakat ' (CCC).<sup>1</sup>

Kalau terdahulu daripada ini CCC yang hanya berfungsi sebagai badan perunding antara PAS dan masyarakat Cina telah menerima konsep perjuangan PAS untuk menegakkan sebuah negara Islam , tetapi sejak ia-

nya didaftarkan sebagai sebuah parti politik , pandangan dan sikap mereka terhadap perjuangan PAS sudah mula berubah dan masih boleh diperlakukan.

Setiausaha organisasi Parti Kongres Penyatuan Masyarakat (OOC), Wang See Hong menolak gagasan Negara Islam (Islamic State) yang diperjuangkan oleh PAS , kerana ia tidak sesuai dengan konsep masyarakat berbilang kaum di negara ini.

" PAS perlu peka dengan perkenbangan negara ini yang mana semua anggota masyarakat menerima konsep perpaduan kaum yang ada sekarang. Sekiranya PAS ingin menerintah , mereka mestilah menerima hakikat ini kerana negara kita adalah berbilang bangsa dan agama ". 2

Terdahulu daripada itu , Setiausaha Agung Kongres Penyatuan Masyarakat Cina ( OOC ) , Leow Kim Knock berkata : badan itu adalah jambatan kepada PAS untuk berbincang dengan masyarakat bukan Islam.

" Sebagai sebuah parti politik , OOC dapat berperanan menerangkan dasar agama Islam kepada masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini. Walaupun saya bukan seorang Islam , tetapi melalui pembelajaran dan bacaan saya yakin undang-undang Islam amat sesuai dilaksanakan di negara ini kerana dasar yang terdapat di dalamnya adalah menyeluruh. Kalau kerajaan melaksanakan undang-undang Islam , keadilan ke atas rakyat berbilang kaum dan agama adalah terjamin ". 3

Terdapat peranggahan pendapat antara kedua-dua pemimpin OCC di dalam mengutarakan sikap mereka terhadap usaha-usaha PAS untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Islam. Penulis berpendapat bahawa peranggahan ini berlaku adalah kerana Parti Kongres Penyatuan Masyarakat (OCC) masih baru lagi ditubuhkan dan penyusunan organisasi -nya masih lagi di peringkat awal. Ini menyebabkan tidak adanya penyelarasan di dalam memberikan kenyataan-kenyataan yang melibatkan perkara-perkara dasar parti. Lagipun OCC masih lagi belum dikenali secara menyelesaui di kalangan masyarakat Cina.

#### JADUAL 8

#### MASYARAKAT CINA YANG MENGENALI DAN MENGIKUTI PERKEMBANGAN/TIDAK MENGENALI OCC.

	Peratus
1. Mengenali OCC ( Majlis Perundingan Cina ) - Mengikuti Perkembangan - Tidak Mengikuti Perkembangan	40 % ( 28 % ) ( 12 % )
2. Tidak Mengenali OCC	60 %

SUMBER : Kajiselidik Yang Dijalankan Oleh Penulis Ke Atas 50 Orang Masyarakat Cina Di Kuala Lumpur .

Hasil daripada kajiselidik yang dijalankan oleh penulis ke atas masyarakat Cina Kuala Lumpur , didapati bahawa hanya 40 % sahaja daripada responden yang mengenali OCC. Dari jumlah tersebut hanya 28

sahaja yang mengikuti perkembangan CCC melalui media massa , ceramah , risalah dan sebagainya secara serius . Selebihnya mengenali CCC hanya dari segi nama sahaja tanpa mengikuti perkembangan khasnya dalam perkara-perkara yang menyentuh tentang dasar dan matlamat perjuangan CCC .

Jadual 8 di atas juga menggambarkan kepada kita bahawa lebih daripada separuh masyarakat Cina yang tidak mengenali apakah itu CCC dan peranannya kepada masyarakat Cina ( 60 % ). Ini menandakan bahawa majoriti masyarakat Cina ( Responden ) masih lagi belum mengenali dan mengikuti apa-apa perkembangannya di dalam CCC dari semasa ke semasa.

Sungguhpun begitu, sambutan yang diberikan oleh masyarakat Cina terhadap penubuhan CCC serta peranannya dengan PAS adalah amat membanggakan. Walaupun penubuhannya baru empat tahun dan baru sahaja disahkan sebagai sebuah parti , namun dari segi peratus yang mengikuti perkembangannya adalah amat baik ( 28 % ). PAS seharusnya memandang serius dan bersungguh-sungguh dengan perkembangan yang berlaku.

Sebelum kemasukan Hj. Nakhaie Ahmad ke dalam UMNO , PAS sering mengadakan dialog dan siri-siri pertemuan dengan masyarakat Cina melaui CCC. Tetapi selepas kemasukan Hj. Nakhaie ke dalam UMNO ( keluar

(diri PAS) , dirasakan bahawa usaha-usaha ini agak terhantut. Ini mungkin kerana CCC dicubuhkan atas inisiatif Hj. Nakhale sendiri dan bukannya atas persetujuan ke semua pimpinan di dalam Jawatankuasa Kerja PAS Miskat.

#### 4.3 Sikap Masyarakat Cina Terhadap Cita-Cita PAS Untuk Menegakkan Negara Islam ( Islamic State ).

Ramai di kalangan masyarakat Cina yang masih lagi belum memahami dasar-dasar perjuangan serta corak kepimpinan yang dibawa oleh PAS. Mereka hanya mengenali PAS secara zahir sahaja. Ini disebabkan masyarakat Cina pada anggapan penulis masih lagi mempunyai sikap dan pandangan yang pre judis terhadap Islam ( PAS ) , ataupun mungkin kerana kesilapan dan kelemahan di pihak pimpinan PAS di dalam menonjolkan corak kepimpinan serta sikap mereka terhadap kaum-kaum lain. Selain daripada itu, isu-isu yang dilaung-laungkan oleh PAS selama ini adalah agak keterlaluan ( sensitif ) seperti isu kafir mengkafir .

Yang DiPertua PAS , Hj. Fadhil Noor mengumumkan bahawa PAS akan menubuhkan Lujnah Hal Ehwal Bukan Islam tidak lama lagi bagi menjelaskan dasar parti. Ini kerana ramai di kalangan masyarakat bukan Islam ( Cina ) belum mendapat penjelasan sebenar tentang dasar perjuangan PAS. Mereka

selama ini terpengaruh dengan media massa yang dikuasai oleh parti pemerintah. Lujnah itu adalah penting untuk bekerjasama dengan Kongres Penyatuan Masyarakat ( OOC ) yang dianggotai oleh masyarakat Cina bukan Islam.<sup>4</sup>

Hasil daripada kajiselidik yang dijalankan oleh penulis, didapati bahawa lebih kurang 68 % daripada masyarakat Cina ( responden ) mengenali dari berbagai aspek , sama ada mereka mengenali PAS dari segi pandangan yang positif maupun negatif . Manakala 28 % lagi tidak mengenali apa-apa tentang kewujudan PAS.

#### JADUAL 9

#### MASYARAKAT CINA YANG MENGENALI PAS DARI BERBAGAI ASPEK

	Peratus
1. Dari segi isu yang dibawa oleh PAS	28 %
2. Dari segi pemimpin ( ketokohan )	2 %
3. Dari segi perjuangan/dasar	32 %
4. Dari penahanan pemimpinnya ( ISA )	6 %
JUMLAH :	68 %

SUMBER : Kajiselidik Yang Di jalankan Oleh Penulis Ke Atas 50 Orang Masyarakat Cina Kuala Lumpur.

Dalam Jadual 9 , menggambarkan kepada kita bahawa sebahagian besar daripada masyarakat Cina mengenali PAS dari segi isu-isu yang dihadia wa seperti kezaliman parti pemerintah dan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku . Di samping itu juga masyarakat Cina mengenali PAS dari sudut perjuangan dan dasarnya yang ingin menyakkan sebuah pemerintahan Islam . Dua sudut isu di atas menjadi faktor utama masyarakat Cina mengenali PAS jika dibandingkan dengan faktor-faktor lain ; ini adalah kerana kedua-dua faktor tersebut banyak menyentuh hak-hak kepentingan kaum Cina .

#### JADUAL 10

#### TANGGAPAN MASYARAKAT CINA TERHADAP PAS

	Peratus
1. PAS sebagai sebuah parti politik sahaja	42 %
2. PAS sebagai Badan Agama yang memperjuangkan Islam.	42 %
3. PAS sebagai pertubuhan yang bercorak perkauman	10 %
4. PAS sebagai pertubuhan sesat serta fanatik agama.	18 %
* Terdapat daripada responden yang memilih lebih dari pada satu item ( Jawaban ).	

SUMBER : Kajiselidik yang dijalankan oleh penulis ke atas 50 orang masyarakat Cina Kuala Lumpur .

Berdasarkan kepada data-data dalam Jadual 10 jula , masyarakat Cina lebih mengenali dan beranggapan bahawa PAS adalah sebuah parti politik semata-mata dan sebagai badan agama yang memperjuangkan Islam .  
 Tanggapan ini juga dikaitkan dengan sikap prejudis mereka yang meletakkan imej PAS sebagai sebuah pertubuhan yang bercorak perkauman (10%) ini sebagai pertubuhan sesat yang fanatik agama ( 18 % ). Ini menandakan bahawa masyarakat Cina masih lagi terkeliru dan kurang mendapat pendekatan tentang PAS dari pimpinan PAS sendiri.

JADUAL 11

**PERATUS MASYARAKAT CINA YANG MERAGUI DASAR PAS**

	Peratus
1. Meragui dan samar-samar	84 %
2. Tidak meragui	8 %
3. Tidak Tahu	8 %

SUMBER : Kajiselidik Yang Dijalankan Oleh Penulis Ke Atas 50 Orang Masyarakat Cina Kuala Lumpur.

Jadual 11 di atas menggambarkan kepada kita peratus masyarakat Cina yang meragui dasar-dasar Islam yang dibawa oleh PAS. Kurangnya minat di kalangan mereka untuk memahami perjuangan PAS adalah merupakan di antara faktor-faktor yang menambahkan lagi kekeliruan dan salah faham mereka terhadap PAS ( Islam ) .

Jadual 12 di bawah menunjukkan peratus masyarakat Cina yang berminat, kurang minat dan tidak minat langsung terhadap perjuangan PAS. Mereka yang tidak berminat dan kurang minat adalah lebih kurang 96 % sahaja daripada responden yang dikaji selidik. Ini bermakna hanya 4 % sahaja daripada masyarakat Cina yang betul-betul berminat dan menyokong perjuangan PAS.

JADUAL 12

KECENDERONGAN MASYARAKAT CINA KE ATAS PERJUANGAN PAS

	Peratus
1. Minat	4 %
2. Kurang Minat	40 %
3. Tidak minat langsung	56 %

SUMBER : Kajian selidik Yang Dijalankan Oleh Penulis Ke Atas 50 Orang Masyarakat Cina Kuala Lumpur.

Walaupun terdapat lebih kurang 4 % daripada responden yang meminati perjuangan PAS , tetapi alasan yang mereka berikan bukan kerana menyokong dasar Islam yang dibawa oleh PAS , sebaliknya mereka meminati PAS kerana kewujudannya sebagai parti pembangkang yang merupakan rakan seperjuangan DAP bagi menentang parti pemerintah .

Kebanyakan masyarakat Cina begitu bimbang dengan PAS sekiranya parti tersebut diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah negara ini . Mereka beranggapan bahawa sekiranya PAS diberi peluang untuk mentadbir negara ini , maka hak-hak kepentingan kaum Cina akan terhapus . begitu juga dengan sistem demokrasi yang diamalkan selama ini . Jadual 13 di bawah menjelaskan kepada kita tanggapan masyarakat Cina sekiranya PAS diberi mandat untuk memerintah negara .

JADUAL 13

TANGGAPAN MASYARAKAT CINA SEKIRANYA PAS MEMERINTAH

	Peratus
1. Sistem pemerintahan demokrasi terhapus	32 %
2. Rakyat akan dipaksa memeluk Islam	26 %
3. Agama-agama lain diamalkan seperti biasa	8 %
4. Masyarakat Cina diketepikan dari menjadi pemimpin negara	40 %
5. Tidak tahu	12 %

\* Terdapat daripada responden yang memilih lebih daripada satu item (jawaban )

SUMBER : Kajiselidik yang dijalankan oleh penulis ke atas 50 orang masyarakat Cina Kuala Lumpur .

Faktor utama yang menyebabkan masyarakat Cina begitu bimbang dan tidak mahu menyokong perjuangan PAS kerana mereka mempunyai tanggapan bahawa orang-orang Cina akan diketepikan daripada menjadi pemimpin

pin sekiranya PAS berkuasa dan mentadbir negara ini secara Islam.

Di dalam perhimpunan DAP Selangor yang ke 4 , beberapa resolusi telah disepakati : antaranya , membantah keras perubahan negara Islam di negara ini dan membantah keras sebarang sahuan daripada pelampau agama.<sup>5</sup> Pelampau agama yang dimaksudkan di sini adalah ditujukan kepada PAS.

Sementara itu Tuan Guru Hj. Nik Aziz Nik Mat , Ketua Dewan Ulamak PAS Pusat menjelaskan bahawa DAP dan parti-parti bukan Islam masih belum mendapat penjelasan yang sebenar tentang Islam sehingga kini. Mereka mengetahui Islam hanya melalui buku-buku dan filem-filem yang dibuat oleh orientalis Barat yang sengaja membunuh-burukkan Islam. Menurutnya pihak UMNO sendiri menganggap Islam sebagai agen untuk mencegah-balaskan dan menghuru-harakan rakyat di negara ini. Kalau orang bukan Islam dapat memahami keadaan sebenarnya daripada mulut pejuang Islam sendiri maka sudah tentu mereka akan menjadi penyokong kuat terhadap perkembangan Islam, khasnya kaum Cina.<sup>6</sup>

Timbahan Setiausaha Agung DAP , En. Lee Lam Thye pula percaya bahwa PAS tidak akan mampu mendirikan negara Islam di negara ini mengandangkan kekuatan politik mereka sekarang.<sup>7</sup> Kenyataan ini membayang-

kan kepada kita bahawa PAS memang tidak digeruni oleh parti-parti lain kerana tidak mempunyai kekuatan yang stabil serta ketiadaan persediaan dan perencanaan untuk memerintah negara.

Sungguhpun begitu, Setiausaha Publisiti DAP, Liew Ah Kim menegaskan bahawa DAP boleh menerima perjuangan PAS sekiranya parti itu memperjuangkan hak asasi manusia dan bukannya konsep negara Islam sebagaimana yang dilaung-laugkan.<sup>8</sup>

Dalam perkembangan lain pula, Tuan Guru Hj. Nik Aziz menyalahkan bahawa sesetiap parti, sekiranya hanya berperanan sebagai pejuang kepada bangsa sendiri tanpa memikirkan kaum-kaum lain adalah parti perkauman. Ideologi seperti ini tidak boleh dipisahkan kerana teori penyelamat kepada sesuatu kaum adalah melalui perkauman. Kerana itulah ideologi PAS berbeza daripada parti-parti seumpama ini. Kitapercaya Islam yang turut merupakan ad-din sebagai satu cara hidup dan boleh diterima oleh semua. PAS dan perjuangannya adalah terbuka kepada seluruh umat Islam tanpa mengira darjat, pangkat ataupun warna kulit. Ia bebas daripada sebarang ikatan yang sudah tentunya terakluk kepada peraturan dan peradaban Islam.<sup>9</sup>

Ragi mengelakkan kekeliruan yang berlaku, PAS sepatutnya lebih banyak memberikan penerangan kepada masyarakat Cina dan sebaik-baiknya cuba elakkan perkara-perkara yang sensitif. Selama ini PAS amat kurang memberikan penerangan tentang bagaimanakah perlaksanaan undang-undang Islam yang bakal dibawa oleh PAS.

#### JADUAL 14

#### PENILAIAN MASYARAKAT CINA TERHADAP USAHA USAHA PAS MEMBERIKAN PENERANGAN KEPADA KAUM CINA.

	Peratus
1. PAS kurang memberikan penerangan tentang perlaksanaan undang-undang Islam :	
a. Bersetuju	84 %
b. Tidak setuju	8 %
c. Tidak tahu	8 %
2. Kemai di kalnagn masyarakat Cina kurang diberikan pendedahan tentang PAS:	
a. Bersetuju	72 %
b. Tidak bersetuju	8 %
c. Tidak tahu	20 %

SUMBER : Kajiselidik yang di jalankan oleh penulis ke atas 50 orang masyarakat Cina Kuala Lumpur .

Data-data di atas ( Jadual 14 ) menunjukkan bahawa sebahagian besar ( 84 % ) masyarakat Cina yang dikaji selidik berpendapat bahawa para pemimpin PAS memang sangat kurang memberikan pendedahan dan peringatan kepada masyarakat Cina tentang bagaimakah perlaksanaan undang-undang Islam yang hendak dibawa oleh PAS. Sementara 72 % daripada responden bersetuju dengan kenyataan bahawa PAS kurang memperkenalkan serta memdedahkan tentang peranan PAS dalam memperjuangkan hak-hak kepentingan kaum-kaum lain , khasnya kaum Cina .

Kegagalan PAS memperkenalkan partinya kepada masyarakat Cina , pada pandangan penulis adalah disebabkan kelemahan di dalam pengurusan organisasi,ketiadaan penyusunan dan perancangan program di bahan gian Lujnah Penerangan PAS serta ketiadaan tenaga-tenaga mahir dan profesional di dalam memperkembangkan PAS secara praktikal dan ideal dalam konteks masyarakat yang berbilang kaum.

PAS seharusnya memahami hakikat sebenar bahawa kebanyakan daripada masyarakat Cina memang jahil dengan bentuk sistem pemerintahan Islam yang ingin dibentuk oleh PAS. Data-data dalam Jadual 15, menjelaskan keadaan sebenar tentang setakat manakah kefahaman masyarakat Cina tentang permasalahan tersebut .

JADUAL 15

TAKAT KEFAHAMAN MASYARAKAT CINA TERHADAP BENTUK PEMERINTAHAN ISLAM YANG DIPERJUANGKAN OLEH PAS.

	Peratus
1. Kurang faham	38 %
2. Tidak faham	32 %
3. Tidak faham langsung	8 %
4. Faham	22 %

SUMBER : Kajiselidik yang dijalankan oleh penulis ke atas 50 orang masyarakat Cina Kuala Lumpur .

Walaupun 22 % daripada responden memahami tentang bentuk pemerintahan Islam yang diperjuangkan oleh PAS , tetapi kefahaman mereka ini belum menjamin samada menerima atau bersetuju dengan perjuangan PAS. Ini adalah kerana mereka faham tentang bentuk undang-undang serta pemerintahan Islam , sebaliknya mereka tetap tidak meyakini bahawa Islam itu dapat memberi keadilan terhadap semua kaum dan agama.

Dari segi teorinya PAS dapat menonjolkan dirinya sebagai satu-satunya parti politik Melayu yang memperjuangkan Islam serta keadilan bagi semua kaum dan masyarakat. Namun demikian , jika dilihat secara praktiknya , belum terserlah lagi ciri-ciri kepimpinan dan perjuangan Islam yang hendak dilahirkan oleh PAS. Ini adalah kerana PAS itu sendiri kurang mendapat tempat di kalangan masyarakat Melayu dan Islam .

#### 4. Sikap Masyarakat Cina Terhadap Kepimpinan PAS.

Sebelum kita menilai sikap masyarakat Cina terhadap kepimpinan yang ditonjolkan oleh PAS , maka elok rasanya ditinjau terlebih dahulu tentang corak kepimpinan yang dibawa oleh pemimpin PAS .

Dasar PAS sejak dahulu hingga sekarang tetap Islam , dan tujuannya juga tidak berubah iaitu untuk menegakkan sebuah masyarakat dan negara yang terlaksana di dalamnya hukum-hukum Allah dan Sunnah Rasul-Nya. Justeru itu , kita dapatti bahawa tiap perubahan yang mengakibatkan pertukaran beberapa orang pucuk pimpinan di dalam PAS sebenarnya tidak mengubah dasar dan matlamat perjuangan PAS.

Perubahan hanya berlaku pada cara , strategi dan teknik pengendalian bagi meneruskan kesinambungan perjuangan itu sahaja. Itupun tidaklah sampai kepada peringkat terkeluar dari ajaran dasar ( Islam ) dan panduan yang menjalii pegangan PAS iaitu al-Quran , Sunnah , Ijmak dan Qias .

Sesuai dengan era kebangkitan Islam kini , maka perubahan yang berlaku kepada PAS ialah Kepimpinan Ulamak. Perubahan yang berlaku dalam era kepimpinan ulamak ini ialah usaha-usaha pertarbiyyahan di ka-

langkah petugas dan pendukung-pendukung parti adalah lebih jelas dan aktif jika dibandingkan di zaman sebelumnya.

Bagaimanapun, usaha-usaha yang dijalankan oleh para pemimpin tertinggi PAS selama ini masih lagi menjadi tanda-tanya di kalangan masyarakat non-muslim, khasnya masyarakat Cina. Kebanyakan daripada mereka beranggapan bahawa para pemimpin PAS tidak mempunyai sikap yang terbuka terhadap kaum Cina. Jadual 16 di bawah menggambarkan sikap sebenar kaum Cina terhadap kepimpinan PAS.

#### JADUAL 16

##### SIKAP MASYARAKAT CINA TERHADAP BEBERAPA ISU YANG MENYENTUH SOAL KEPIMPINAN PAS.

	Peratus
1. PAS sudah banyak berubah dari segi pimpinan dan sikap keterbukaannya terhadap kaum Cina:	
a. Setuju	30 %
b. Tidak setuju	40 %
c. Tidak tahu	30 %
2. Para pemimpin PAS kurang mengadakan interaksi dengan kaum Cina/bersikap ortodoks :	
a. Setuju	62 %
b. Tidak setuju	14 %
c. Tak tahu	24 %

SUMBER : Kajiselidik yang dijalankan oleh penulis ke atas 50 orang masyarakat Cina Kuala Lumpur .

Oleh kerana para pemimpin PAS dianggap oleh masyarakat Cina sebagai kepimpinan yang tidak mempunyai sikap keterbukaan terhadap kaum-kaum lain , ini menyebabkan sebahagian besar daripada kaum Cina merasa takut untuk mendekati dan berinteraksi dengan pemimpin PAS. Tam-bahan pula para pemimpin PAS sendiri amat kurang mengadakan interaksi dengan kaum Cina, sama ada secara formal maupun tidak formal.

Keterampilan bentuk kepimpinan PAS juga adalah dianggap seba-gai otodoks yang tidak bersesuaian dengan peredaran zaman. Tanggapan yang sedemikian daripada masyarakat Cina haruslah dipandang serius oleh para pemimpin PAS. Walaupun PAS ingin menonjolkan sikap keseder-hanaannya , tetapi dari segi praktiknya PAS masih lagi belum bersedia untuk menutralkan bentuk kepimpinannya yang boleh diterima oleh masya-rakat berbilang kaum ( non-muslim ).

#### JADUAL 17

#### PANDANGAN MASYARAKAT CINA TERHADAP ISU-ISU YANG DILALUNG-LAUNGKAN OLEH PEMIMPIN PAS.

	Peratus
1. Banyak menyentuh soal perkauman.	22 %
2. Lebih membincarkan kepentingan kaum Melayu.	38 %
3. Membincarkan isu kafir-mengkafir.	14 %
4. Menyentuh soal perpaduan dan Islam.	26 %

SUMBER : Kajiselidik yang dijalankan oleh penulis ke atas 50 orang masyarakat Cina Kuala Lumpur .

Data-data dalam Jadual 17 di atas, menerangkan kepada kita bagaimana pandangan masyarakat Cina terhadap isu-isu yang diluang-luangkan oleh para pemimpin PAS. Para pemimpin PAS selama ini lebih banyak membicarakan soal-soal kepentingan kaum Melayu dengan mengeneptikan isu-isu lain yang membabitkan kepentingan kaum-kaum lain. Para pemimpin PAS amat kurang sekali membicarakan isu-isu antarabangsa dan isu-isu universal yang boleh diterima oleh semua pihak. Ramai di kalangan masyarakat Cina berpendapat bahawa kekurangan ini berlaku adalah disebabkan oleh kurangnya ketokohan di pihak pimpinan PAS.

#### JADUAL 18

#### PANDANGAN MASYARAKAT CINA TERHADAP KETOKOHAN PARA PEMIMPIN PAS.

	Peratus
1. Mempunyai karsma yang baik.	14 %
2. Mempunyai penikiran yang sempit dan fanatik	42 %
3. Lebih banyak bercakap dari kerja .	44 %

SUMBER : Kajiselidik yang dijalankan oleh penulis ke atas 50 orang masyarakat Cina Kuala Lumpur .

Majoriti masyarakat Cina ( 44 % ) menganggap bahawa para pemimpin PAS lebih banyak bercakap serta berteori dalam hal-hal yang tidak praktikal , tetapi dari segi kerja-kerja ke arah pencapaian kepada

maksud dan matlamat perjuangan mereka dicita-citakan adalah amat kurang.

Para pemimpin PAS juga amat sukar untuk membawa sesuatu perubahan baru dalam kepimpinannya di dalam arus dunia moden dan perkembangan ketamadunan manusia. Ini kerana bagi masyarakat Cina , para pemimpin PAS mempunyai pemikiran yang sempit ( tidak kreatif ) dan berfahaman fanatic terhadap sesuatu pendapat dan kumpulan mereka. Terdapat lebih kurang 42 % daripada masyarakat Cina yang berpandangan sedemikian. Sungguhkan begitu terdapat juga 14 % daripada mereka yang mengakui dan mendapati bahawa para pemimpin PAS mempunyai karisma yang baik dan boleh dikatakan ia sebagai satu bentuk kepimpinan yang bermoral tinggi.

Pendapat yang sedemikian lahir dari kalangan masyarakat Cina yang betul-betul mengenali dengan ketokohan para pemimpin tertinggi PAS.

Hasil daripada kajiselidik yang dijalankan oleh penulis ,terdapat lebih kurang 28 % daripada responden yang mengenali pemimpin tertinggi PAS . Bakinya seramai 72 % lagi memang tidak mengenali . Ini membuktikan bahawa masyarakat Cina yang tidak mengenali dari dekat tentang bentuk kepimpinan dan pemimpin PAS akan mempunyai tanggapan yang negatif dan prejedis terhadap PAS . Manakala mereka yang mengenali PAS dari aspek yang positif akan berpandangan baik dan sekurang-kurangnya bersifat terbuka serta sedia menerima penerangan yang positif dari PAS.

NOTA KAKI :

1. Akhbar WATAN , 22 hb. Ogos 1989.
2. Akhbar WATAN , 16 hb. September 1989.
3. Akhbar watan , 2 hb. September 1989 .
4. Akhbar WATAN , 19 hb. Ogos 1989 .
5. Akhbar WATAN , 22 hb. Ogos 1989 .
6. Akhbar WATAN , @ 26 hb. Ogos 1989 .
7. Akhbar WATAN , 22 hb. Ogos 1989 .
8. Ibid .
9. Akhbar WATAN , 2 hb. September 1989 .